

**BIMBINGAN DAN PENYELIAAN PRAKTIKUM FASA 1 OLEH PENSYARAH  
PENYELIA TERHADAP GURU PELATIH AMBILAN JUN 2015:  
SATU KAJIAN EMPIRIKAL**

Norma bt Bajuria  
Norihan bt Mat Zin  
Rafidah bt Aziz  
Nik Azleena bt Nik Ismail  
IPG Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu  
azleena@ipgm.edu.my

**Abstrak**

*Kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana aspek bimbingan dan penyeliaan bagi komponen perancangan, pelaksanaan dan pentaksiran dalam program praktikum dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh para pensyarah penyelia. Sampelan kajian terdiri daripada 36 orang pensyarah penyelia serta 56 orang pelajar PISMP Ambilan Jun 2015 yang menjalani praktikum fasa 1 (unit PAI 15 orang, unit PSV 14 orang, unit Sejarah 15 Orang dan unit PJ 12 orang). Kajian ini dijalankan secara empirikal dengan menggunakan dokumen-dokumen penyeliaan dan bimbingan praktikum iaitu borang Refleksi Amalan Profesional (LAM PT05-12) dan borang PR1. Data dianalisis secara deskriptif iaitu melibatkan pendekatan kuantitatif. Data yang diperolehi menunjukkan guru pelatih sangat berpuas hati dengan bimbingan yang diberi oleh pensyarah penyelia dengan pencapaian min 4.92 berdasarkan borang Refleksi Amalan Profesional (LAM PT-05-12). Kecenderungan bimbingan pensyarah penyelia dalam aspek – aspek perancangan dilihat lebih berfokus kepada aspek menulis hasil pembelajaran dan isi pelajaran yang sesuai dengan hasil pembelajaran manakala dalam aspek-aspek pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (PdPC) pula lebih menekankan kepada bimbingan dalam melaksanakan set induksi. Selain itu, bimbingan bagi aspek-aspek pentaksiran, pensyarah penyelia didapati lebih kerap untuk memberi ulasan sahaja tanpa memberi sebarang cadangan penambahbaikan kepada guru pelatih. Hasil dapatan ini diharapkan dapat meningkatkan kualiti dan fokus pensyarah penyelia dalam memberi bimbingan yang lebih bermakna kepada guru pelatih.*

**Kata Kunci:** *Praktikum Fasa 1, Bimbingan, Perancangan, Pelaksanaan Pengajaran, Pentaksiran.*

**Pengenalan**

Praktikum merupakan salah satu program Amalan Profesional selain daripada PBS (Pengalaman Berasaskan Sekolah) dan internship. Amalan profesional adalah komponen penting dalam kurikulum latihan perguruan praperkhidmatan yang berlandaskan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Guru serta Pelan Pembangunan Pendidikan

Malaysia. Kenyataan ini selari dengan pandangan Whitty,1992 iaitu komponen latihan mengajar atau praktikum merupakan satu komponen penting dalam latihan perguruan pra perkhidmatan.

Program ini merupakan landasan untuk pelajar mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang diterima di dalam bilik kuliah kepada situasi pengajaran dan pembelajaran sebenar di bilik darjah. Atas keperluan inilah praktikum yang boleh ditakrifkan sebagai latihan praktik diwajibkan kepada semua guru pelatih. Bagi menamatkan pengajian peringkat ijazah perguruan pelajar perlu menjalani dua fasa praktikum iaitu Fasa 1 sewaktu di semester 1 Tahun 3 dan semester 1 Tahun 4. Program praktikum ini mempunyai objektif yang khusus iaitu:

- menyepadukan teori dan amali pengajaran dan pembelajaran.
- mengaplikasikan pelbagai strategi dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran.
- mengaplikasikan kemahiran mentaksir dan menilai.
- merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berpasangan dan individu.
- mengenal pasti dan menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran.
- memupuk sikap positif, meningkatkan jati diri, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai profesionalisme keguruan.
- memperkembangkan potensi diri sebagai pendidik melalui pembinaan portfolio dengan mengamalkan.
- mengoptimumkan kegunaan pelbagai sumber dan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- menguasai kemahiran fasilitator.
- menguasai pelbagai strategi, perancangan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum.

Berasaskan objektif praktikum yang spesifik dan menjurus ke arah melahirkan guru yang kompeten maka aspek bimbingan dan penyeliaan sama ada daripada pensyarah penyelia dan guru pembimbing merupakan komponen penting dalam merealisasikan objektif ini. Usahasama atau kolaborasi antara pensyarah penyelia dan guru pembimbing dapat membekalkan guru pelatih yang berkualiti. Whitty (1992). Azhar et.al (2007), dapatan kajiannya mendapati praktikum merupakan proses yang dilalui oleh siswa pendidik untuk menguji semangat, kesabaran, daya usaha serta ketahanan mental dan fizikal sebagai persediaan mendepani realiti sebenar di sekolah nanti.

Justeru itu, kaedah atau cara bimbingan penyeliaan pensyarah perlu diteliti dan dikaji. Ini kerana, pada peringkat awal praktikum, guru pelatih mungkin mengalami kerisauan. Tetapi masalah ini dapat dikurangkan setelah mereka lama berada di sekolah. Sharpe(1970) mendapati guru pelatih memulakan latihan mengajar dengan perasaan tidak selamat dan ketakutan. Besar kemungkinan mereka mengalami kombinasi perasaan ingin tahu, penghargaan dan kerisauan. Di samping itu, guru pelatih suka mengajar bukan seperti mana mereka diajar untuk mengajar tetapi dengan cara yang mereka telah diajar (Henry dan Beasley,1979). Zevin (1971) menyatakan guru pelatih suka meniru cara guru pembimbing mereka mengajar, tanpa menghiraukan pandangan yang diberikan oleh penyelia. Seperson dan Joyce (1973) menyokong pandangan itu dengan menyatakan guru di sekolah banyak mempengaruhi tingkah guru pelatih. Sehingga kini terdapat pelbagai masalah yang telah dikenalpasti dihadapi oleh guru pelatih ketika mereka menjalani praktikum. Antaranya masalah sahsiah dan pengajaran (Henry,1993). Zakaria Kasa et al. (2001) mendapati guru pelatih menghadapi masalah dalam pengurusan masa, memilih ABM yang sesuai, mengenal pasti pengetahuan sedia ada murid dan kawalan kelas. Permasalahan guru pelatih ini

turut disokong oleh pengkaji seperti Abdul Razak & Ahmad Shukri (2002), mendapati tahap kesediaan dan pengetahuan pedagogi guru pelatih kurang memuaskan. Masalah minat, sikap, pengetahuan dan kemahiran mengajar yang sederhana juga dikenalpasti (Baharin 2006; Halimah 2006; Shariff et al. 1994). Baharom (2002) menyatakan bahawa penyeliaan pengajaran semasa praktikum banyak membantu pelatih dalam melaksanakan pengajaran yang lebih berkesan kepada pelajar. Radi (2007) dalam kajiannya turut mendapati proses penyeliaan dapat mengcungkil kelemahan dan kekuatan pelatih terhadap teknik, kaedah, pendekatan dan peralatan mengajar yang digunakan. Secara tuntasnya dapatlah disimpulkan bahawa penyeliaan yang berkesan semasa praktikum memerlukan perancangan yang baik dan dilaksanakan secara berterusan untuk memastikan matlamat dan objektif pengajaran yang dijalankan oleh seseorang guru itu tercapai.

Hingga kini, banyak kajian terhadap guru terlatih dilaksanakan tetapi kajian terhadap guru pelatih terlalu sedikit (Abu Hassan 1995; Khairuddin 1997; KPM, 2003). Pandangan ini turut diakui oleh Jemaah Nazir KPM (2009) melalui tinjauan kebangsaan yang telah dilaksanakan mendapati 69 peratus responden mencadangkan supaya peningkatan kualiti guru dijadikan keutamaan oleh kerajaan. Penyelesaian kepada masalah ini adalah pensyarah penyelia dapat membentuk guru pelatih yang kompeten dan berkualiti dengan menguasai aspek pedagogi pengajaran ketika mereka menjalani praktikum. Ekoran itu, kaedah untuk menilai kualiti pengajaran dan pembelajaran guru pelatih memerlukan instrumen yang boleh membantu proses bimbingan. Di Institut Pendidikan Guru Kampus, penggunaan instrumen penyeliaan berbentuk borang PR1 dan PR2 serta LAM PT 05 12 digunapakai. Lantaran inilah pengkaji terpanggil untuk menilai keberkesanan bimbingan pensyarah melalui analisis secara empirikal terhadap borang-borang ini.

## **Penyataan Masalah**

Pelbagai kajian telah dilaksanakan berkaitan penyeliaan pensyarah dan guru pembimbing (Noor Azlan & Mei, L. W., 2011, Ruhani, 2012), sehinggalah kepada isu berkaitan kualiti penyeliaan (Syed Ismail, 2012). Realitinya keberkesanan bimbingan dan aspek penyeliaan memainkan kesan yang besar bagi memastikan objektif praktikum tercapai.

Mengetahui dan memahami permasalahan guru pelatih dari segi emosi, pengaplikasian teori dan ilmu yang dipelajari di dewan kuliah serta bentuk bimbingan yang diperlukan merupakan platform terbaik bagi menghasilkan guru permulaan yang kompeten dan berkualiti di sepanjang praktikum. Meninjau dan meneroka permasalahan guru pelatih lebih awal khususnya dalam Fasa 1 praktikum memberi lebih ruang dan peluang untuk membina hubungan dan menemukan titik penyesuaian dalam rangka kerja penyeliaan pengajaran. Situasi ini juga selari dengan kerap kali terdengar rungutan-rungutan daripada pihak sekolah berkaitan kemampuan pelajar semasa menjalani latihan mengajar ini. Malah seringkali pensyarah penyelia berandaian bentuk atau amalan bimbingan yang mereka berikan adalah relevan dalam usaha melahirkan guru permulaan yang berkualiti khususnya dalam menguasai ilmu profesional keguruan yang berkesan. Namun sejauh manakah andaian pensyarah penyelia dari segi kualiti bimbingan yang diberikan oleh mereka berbanding persepsi pelatih masih menjadi tanda tanya. Mustapha (2013) telah melaporkan bahawa wujud hubungan antara amalan bimbingan pengajaran pensyarah dan guru pembimbing terhadap kualiti guru pelatih. Justeru adalah perlu untuk meninjau dari persepsi pelatih tentang kualiti bimbingan praktikum untuk melihat sejauh manakah amalan bimbingan pensyarah ini dapat

membantu pelajar. Rentetan itu, kajian ini yang berbentuk analisis empirikal berdasarkan penggunaan instrumen bimbingan (PR1 & PR2) serta LAM PT 05-12 (Refleksi Amalan Profesional) yang digunakan oleh pesyarah untuk membimbing pelajar dalam praktikum sangat relevan.

## Objektif dan Soalan Kajian

Objektif kajian ialah untuk mengenalpasti fokus bimbingan pesyarah penyelia bagi aspek-aspek yang terkandung dalam komponen perancangan dan pelaksanaan. Kajian ini juga akan melihat sejauhmana pesyarah penyelia memberi bimbingan yang bermakna dalam aspek-aspek pentaksiran kepada guru-guru pelatih berdasarkan ulasan mereka dalam borang PR1. Seterusnya mengenalpasti tahap kepuasan guru pelatih terhadap bimbingan pesyarah berdasarkan borang LAM PT-05-12 (Amalan Refleksi Profesional).

Kajian ini adalah untuk menjawab soalan-soalan berikut;

1. Apakah fokus bimbingan pesyarah penyelia bagi aspek-aspek yang terkandung dalam komponen perancangan dan pelaksanaan berdasarkan borang PR1?
2. Adakah wujud ulasan bermakna oleh pesyarah penyelia dalam aspek-aspek yang terdapat dalam komponen pentaksiran berdasarkan borang PR1?
3. Apakah tahap kepuasan guru pelatih terhadap bimbingan pesyarah berdasarkan borang LAM PT-05-12 (Amalan Refleksi Profesional)?

## Metodologi Kajian

### Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 36 orang pesyarah penyelia dan 56 orang guru pelatih yang dipilih berdasarkan persampelan secara bertujuan.

### Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Pengumpulan data dibuat melalui analisis deskriptif dokumen borang PR1 (Bimbingan Praktikum) untuk melihat kecenderungan pesyarah penyelia dalam memberi bimbingan bagi 15 aspek yang terkandung dalam komponen perancangan dan pelaksanaan sebagaimana berikut;

Jadual 1: Komponen Perancangan dan Pelaksanaan

Komponen	Aspek-aspek dalam komponen Perancangan dan Pelaksanaan	
Perancangan pengajaran	a	Hasil pembelajaran
	b	Isi pelajaran
	c	Strategi pengajaran pembelajaran
	d	Sumber pengajaran pembelajaran
	e	Unsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)
	f	Elemen merentas kurikulum
	g	Permulaan

Pelaksanaan Pengajaran	h	Perkembangan pengajaran
	i	Komunikasi dan pengurusan bilik darjah
	j	Kualiti peribadi
	k	Kreativiti dan inovasi
	l	Penutup
	m	Pencapaian hasil pembelajaran
	n	Aplikasi nilai
	o	Amalan refleksi

Pengkaji juga akan menganalisis sejauhmana bimbingan bermakna telah diberikan oleh pensyarah penyelia bagi 4 aspek dalam komponen pentaksiran. Data-data dianalisis dengan melihat kepada kekerapan bimbingan melalui bentuk ulasan yang diberikan. Seterusnya data berkaitan kepuasan guru pelatih terhadap bimbingan pensyarah penyelia berdasarkan borang LAM PT-05-12 (Amalan Refleksi Profesional) dilihat melalui pencapaian min pensyarah. Pengkaji melaksanakan pentaksiran skor min ini berasaskan pentaksiran oleh Nunnally & Bernstein (1994), dengan menginterpretasikan min kepuasan guru pelatih terhadap bimbingan pensyarah penyelia sepertimana berikut;

Jadual 2: Jadual Penentuan Min

BIL	Nilai Min	Tahap
1	4.01 hingga 5.00	Tinggi
2	3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
3	2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
4	1.00 hingga 2.00	Rendah

### Dapatan Kajian

Apakah fokus bimbingan pensyarah penyelia bagi aspek-aspek yang terkandung dalam komponen perancangan dan pelaksanaan berdasarkan borang PR1?

Jadual 3: Aspek Perancangan Pengajaran

Penyeliaan oleh pensyarah pembimbing	Fokus bimbingan pensyarah bagi aspek dalam komponen perancangan dan pelaksanaan											
	Perancangan Pengajaran											
	a	%	b	%	c	%	d	%	e	%	f	%
1	23	64	16	44	19	53	16	44	12	33	7	19
2	26	72	22	61	16	44	22	61	15	42	12	33
3	25	69	20	56	24	67	19	53	13	36	11	31
Jum. & Peratus	74	69	58	54	59	55	57	53	40	37	30	28

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan bahawa pada setiap peringkat penyeliaan iaitu dalam penyeliaan 1, penyeliaan 2 dan penyeliaan 3, pensyarah penyelia memfokuskan aspek hasil pembelajaran sebagai fokus utama dalam membimbing guru pelatih. Aspek ini mencakupi

sebanyak 69% berbanding aspek-aspek lain dalam borang PR 1 ini. Malah dalam ketiga-tiga peringkat penyeliaan aspek ini memperoleh peratus yang tertinggi berbanding aspek-aspek yang lain. Pada penyeliaan yang pertama aspek hasil pembelajaran mencapai 64% manakala pada penyeliaan yang kedua pula sebanyak 72% dan pada penyeliaan yang ketiga aspek ini mencapai 69%.

Seterusnya, aspek strategi pengajaran dan pembelajaran diberi penekanan oleh pensyarah penyelia dalam fokus bimbingan kepada guru pelatih. Dapatan menunjukkan pensyarah penyelia memfokuskan sebanyak 55% aspek pengajaran dan pembelajaran menerusi bimbingan mereka dalam semua peringkat penyeliaan kecuali pada peringkat penyeliaan 2. Pada penyeliaan 2, pensyarah penyelia meletakkan aspek isi pelajaran mendahului aspek strategi pengajaran dan pembelajaran dalam penyeliaan mereka.

Aspek isi pelajaran dalam perancangan pengajaran merupakan aspek yang ketiga tinggi dapatan peratusannya dalam memberi bimbingan kepada guru pelatih. Dapatan kajian menunjukkan aspek ini mencapai 54% daripada kesemua aspek yang terdapat di dalam borang PR1 ini. Didapati ramai pensyarah pembimbing yang memfokuskan komponen perancangan pengajaran semasa menyelia guru pelatih. Hai ini dapat dibuktikan apabila aspek sumber pengajaran dan pembelajaran memperoleh 53% tumpuan fokus penyelia pembimbing ketika memberi bimbingan mereka. Manakala aspek e dan f iaitu aspek unsur KBAT dan elemen merentas kurikulum mencapai skor peratus yang rendah iaitu 37% dan 28% seperti kebanyakan skor yang diperoleh dalam pelaksanaan pengajaran. Ekoran daripada dapatan ini juga jelas menunjukkan kecenderungan pensyarah pembimbing menitikberatkan aspek perancangan berbanding aspek pelaksanaan. Jadual 3 dapat menjelaskan dapatan tersebut dengan lebih jelas.

Jadual 4: Aspek Pelaksanaan Pengajaran

Penyeliaan oleh pensyarah pembimbing	Kekerapan aspek dalam komponen perancangan dan pelaksanaan yang di bimbing oleh pensyarah																	
	Pelaksanaan Pengajaran																	
	g	%	h	%	i	%	j	%	k	%	l	%	m	%	n	%	o	%
1	20	56	9	25	18	50	9	25	11	31	8	22	16	44	14	39	13	36
2	20	56	14	39	18	50	11	31	14	39	8	22	13	36	21	58	13	36
3	14	39	10	28	15	42	11	31	12	33	6	17	15	42	17	47	11	31
Jum. & Peratus	54	50	33	31	51	47	31	29	37	34	22	20	44	41	52	48	37	34

Jadual 4 memfokuskan aspek-aspek dalam pelaksanaan pengajaran yang mempunyai 9 aspek kesemuanya. Dapatan lapan daripada sembilan aspek-aspek ini mencapai peratusan di bawah 50%. Hanya aspek permulaan (g) sahaja yang mencatat pencapaian sebanyak 50%. Pensyarah pembimbing memberi fokus yang lebih pada aspek ini berbanding dengan aspek-aspek yang lain atas dasar set induksi yang merupakan antara kemahiran pengajaran mikro yang penting terutama dalam mendapatkan fokus serta minat daripada murid sebelum kelas bermula. Aspek aplikasi nilai (n) dan aspek komunikasi dan pengurusan bilik darjah mencapai 48% dan 47%. Satu

aspek lagi yang mendapat perhatian pensyarah pembimbing melalui komponen pelaksanaan pengajaran ini adalah pencapaian hasil pembelajaran (m) yang mencapai 41%.

Adakah wujud ulasan bermakna oleh pensyarah penyelia dalam aspek-aspek yang terdapat dalam komponen pentaksiran berdasarkan borang PR1?

Jadual 5: Ulasan Bermakna Oleh Pensyarah Penyelia Dalam Komponen Pentaksiran

KATEGORI PENSYARAH	PENYELIAAN 1 ( BIL PENSYARAH)	PENYELIAAN 2 ( BIL PENSYARAH)	PENYELIAAN BERSAMA ( BIL PENSYARAH)	KEKERAPAN
KATEGORI 1	7	9	4	20
KATEGORI 2	2	14	27	43
KATEGORI 3	19	6	3	28
KATEGORI 4	8	7	2	17
JUMLAH	36	36	36	108

Kategori 1: Pensyarah memberi ulasan dan memberi cadangan

Kategori 2: Pensyarah memberi ulasan tetapi tidak mengemukakan cadangan.

Kategori 3: Pensyarah memberi ulasan tetapi tidak membantu guru pelatih memperbaiki kelemahan diri

Kategori 4: Tiada ulasan

Jadual 5 menunjukkan kategori pensyarah yang telah memberi ulasan berkaitan aspek-aspek yang terdapat dalam komponen pentaksiran berdasarkan borang PR1 bagi ketiga-tiga penyeliaan yang telah dibuat. Hasil dapatan yang diperolehi mendapati terdapat 4 kategori pensyarah yang memberi bimbingan berkaitan aspek-aspek pentaksiran yang meliputi aspek menyemak dan memberi maklum balas kerja murid, menyimpan rekod markah murid, kesedaran tentang prestasi murid dan penilaian pembelajaran.

Kebanyakan pensyarah penyelia berada pada kategori 2 iaitu ada memberi ulasan pada borang PR1 berkaitan aspek pentaksiran dengan kekerapan sebanyak 43 kali (39.8%),walau bagaimanapun, mereka tidak mengemukakan cadangan-cadangan yang boleh membantu guru pelatih menambahbaik aspek pentaksiran dalam bilik darjah.

Contoh ulasan yang diberi bagi kategori 2 ialah;

- *PdP dibuat dengan baik.*
- *Telah menyemak dan sentiasa membuat penilaian terhadap hasil kerja/tugasan murid dan direkodkan.*
- *Membuat semakan dan memberi markah kepada pelajar serta dicatatkan dibuku rekod.*

Seterusnya, terdapat juga ulasan yang diberi tetapi tidak membantu guru pelatih memperbaiki kelemahan diri mereka. Pensyarah penyelia ini berada pada kategori 3 dengan kekerapan ulasan jenis ini sebanyak 28 kali(25.9%).

Contoh ulasan bagi kategori 3 ialah;

- *Belum dilaksanakan di peringkat sekolah.*
- *Belum dijalankan.*
- *Ada rekod.*
- *Baik.*
- *Dalam proses.*
- *Peringkat penyediaan dan perancangan.*

Bagi ulasan kategori 1 pula iaitu pensyarah penyelia memberi ulasan dan memberi cadangan hanya berada pada kekerapan 20 kali(18.5%) sahaja.

Contoh ulasan;

- *Perlu perincikan jenis pemerhatian dan penilaian yang direkodkan.*
- *Guru perlu membuat semakan terhadap hasil kerja pelajar.*
- *Perlu lebih kerap dibuat semakan dan memberi markah.*

Terdapat juga pensyarah yang berada pada kategori 4 iaitu tidak memberi ulasan pada komponen pentaksiran dengan kekerapan sebanyak 17 kali(15.7%).

Apakah tahap kepuasan guru pelatih terhadap bimbingan pensyarah berdasarkan borang LAM PT-05-12 (Amalan Refleksi Profesional)?

Jadual 6 : Tahap Kepuasan Guru Pelatih Terhadap Bimbingan Pensyarah Penyelia

BIL	KOMPONEN	PENSYARAH PENYELIA		TAHAP
		Min	S.P.	
1	PERANCANGAN	4.91	0.28	TINGGI
2	PELAKSANAAN	4.87	0.34	
3	AMALAN REFLEKSI	4.91	0.26	
4	SIKAP DAN SAHSIAH	4.94	0.24	
5	KEBERKESANAN BIMBINGAN	4.95	0.23	
KESELURUHAN		4.92		

Dapatan tahap kepuasan guru pelatih terhadap penyeliaan dan bimbingan pensyarah penyelia telah dibahagikan kepada 5 komponen iaitu komponen Perancangan, Pelaksanaan, Amalan Refleksi, Sikap dan Sahsiah dan Keberkesanan Bimbingan.

Berdasarkan Jadual 6, dapatan kajian menunjukkan pencapaian min keseluruhan untuk semua komponen ialah 4.92. Pencapaian ini telah menunjukkan tahap kepuasan semua guru pelatihambilan Jun 2015 yang menjalani praktikum fasa 1 berada pada tahap yang tinggi terhadap bimbingan dan penyeliaan pensyarah penyelia. Semua komponen yang dinilai menunjukkan pencapaian min yang tinggi iaitu melebihi 4.01.

Dapatan terhadap tahap kepuasan mengikut komponen pula menunjukkan, guru pelatih sangat berpuas hati dengan bimbingan pensyarah penyelia bagi komponen 5 iaitu Keberkesanan Bimbingan (min=4.95) yang mana bimbingan pensyarah yang diberi berkesan untuk membantu guru pelatih dalam latihan praktikum mereka. Bimbingan bagi komponen 4 iaitu Sikap dan Sahsiah pula mencapai min 4.94 menunjukkan pensyarah penyelia telah memberi bimbingan yang sangat baik dalam aspek-aspek penampilan, keprihatinan terhadap murid dan berbudi pekerti yang baik semasa proses PdP. Seterusnya bagi komponen 1 dan 3 iaitu komponen Perancangan dan Amalan Refleksi pula (min=4.91), menunjukkan bimbingan pensyarah bagi aspek-aspek penulisan hasil pembelajaran, perancangan kaedah dan strategi, pemilihan sumber PdP dan nilai-nilai murni serta unsur EMK dapat membantu mereka dalam merancang pengajaran dengan sangat baik. Begitu juga bimbingan yang diberi dalam aspek-aspek penulisan refleksi, pemikiran reflektif dan penilaian portfolio dapat membantu meningkatkan lagi metakognitif guru pelatih untuk menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Pencapaian min bagi komponen 2 iaitu komponen Pelaksanaan ialah 4.87 masih menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi oleh guru pelatih terhadap bimbingan pensyarah dalam aspek-aspek seperti pelaksanaan set induksi, perkembangan pengajaran, pelaksanaan kaedah, pengendalian aktiviti, pengurusan bilik darjah, pengurusan masa serta penerapan nilai-nilai murni, EMK dan unsur pedagogi terkini.



## Perbincangan

Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa pensyarah penyelia telah memberikan fokus dalam bimbingan mereka kepada guru pelatih yang menjalani praktikum fasa 1. Fokus bimbingan yang paling dominan bagi komponen perancangan adalah kepada aspek perancangan hasil pembelajaran (69%) diikuti dengan aspek strategi pengajaran dan pembelajaran (55%) dan aspek isi pelajaran (54%). Ketiga-tiga aspek ini dilihat sebagai aspek yang paling utama untuk dikuasai dan difahami oleh guru pelatih dalam proses merancang pengajaran dan pembelajaran selain aspek-aspek sumber pengajaran dan pembelajaran, elemen KBAT dan EMK. Proses merungkai standard iaitu penguasaan guru pelatih dalam meneliti dan memahami standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan perlu diberi penekanan terutamanya semasa mereka menjalani latihan praktikum. Ini dapat memastikan pengetahuan dan kemahiran yang terdapat dalam standard tersebut dapat dicapai oleh murid-murid melalui perancangan pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran yang sesuai sebagaimana yang terdapat dalam dokumen kurikulum. Kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan keperluan utama kepada penguasaan pengetahuan dan pemahaman dalam kalangan para pendidik terhadap proses merungkai standard kurikulum (Mustaffar dan Nor'Azah,2017, Abd.Shatar,2007).

Selain itu, fokus bimbingan pensyarah penyelia dalam komponen pelaksanaan pengajaran adalah kepada aspek permulaan pengajaran atau set induksi (50%) berbanding aspek-aspek lain. Aspek ini diberi penekanan oleh pensyarah penyelia dengan melihat kepada kepentingan penguasaan dalam melaksanakan set induksi dalam memulakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Walaupun set induksi dianggap sebagai aspek kecil dalam proses pengajaran tetapi ia memberi impak yang besar kepada keseluruhan pembelajaran murid-murid di dalam bilik darjah dari aspek menarik perhatian, mewujudkan motivasi pelajar untuk memberi perhatian dengan dimulakan dengan aktiviti yang mudah dan tidak mengambil masa, mempunyai perkaitan dengan isi dan objektif pelajaran dengan guru menerangkan secara berstruktur agar pelajar mudah membuat perkaitan serta berkaitan dengan pengetahuan sedia ada pelajar sama ada berkaitan tajuk yang sebelumnya atau pengajaran mata pelajaran lain yang telah dipelajari.

Dapatan kajian berkaitan ulasan bermakna yang diberikan oleh pensyarah penyelia dalam praktikum fasa 1 ini menunjukkan pensyarah penyelia telah memberi ulasan di dalam borang penyeliaan tetapi tidak mengemukakan cadangan-cadangan penambahbaikan. Pengkaji menganggap pensyarah penyelia mungkin telah memberi bimbingan secara lisan semasa pasca penyeliaan dijalankan atau catatan-catatan telah dibuat pada buku rekod pengajaran guru pelatih. Ulasan yang lebih mendalam melibatkan cadangan-cadangan penambahbaikan dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan pentaksiran sangat penting kepada guru pelatih supaya mereka mendapat pemahaman yang meluas dan mendalam dalam merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian-kajian terdahulu mendapati guru pelatih memerlukan bimbingan yang lebih bermakna dan mendalam dalam aspek perancangan pengajaran (Ramli et al.2006), cara menulis persediaan mengajar dengan baik (Zakaria et al.2001) dan keberkesanan pengajaran bergantung kepada perancangan (Clarke 2000).

Secara keseluruhannya, para guru pelatih sangat berpuas hati dengan cara bimbingan dan penyeliaan pensyarah penyelia dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka khususnya dalam merancang dan melaksana PdP, membuat refleksi dan memupuk nilai keguruan

seterusnya membentuk siswa pendidik yang berkualiti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 5 komponen amalan bimbingan praktikum oleh pensyarah penyelia (perancangan, pelaksanaan, amalan refleksi, sikap dan sahsiah serta keberkesanan bimbingan) berada pada tahap tinggi (melebihi min 4.0). Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Syed Ismail (2013), Ho Wen Jye & Lee See Seng (2016) dan Nor Asimah (2010) yang mendapati persepsi guru pelatih adalah positif terhadap bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing.

## **Rumusan**

Sebagai rumusan, bimbingan dan penyeliaan oleh pensyarah penyelia menjadi salah satu aspek utama dalam meningkatkan *pedagogical content knowledge* guru pelatih. Praktikum menjadi satu platform kepada guru pelatih dalam pembangunan profesional dan membantu mereka untuk menjadi seorang guru yang terlatih. Pengalaman semasa praktikum akan memberikan satu persepsi positif kepada guru pelatih dalam meningkatkan lagi nilai, sikap, identiti dan kepercayaan mereka terhadap profesion keguruan. Namun, keberkesanan latihan praktikum perlu dilihat dengan lebih terperinci supaya guru pelatih akan memperoleh pengalaman yang lebih bermakna dan menjadi kayu ukur kepada kerjaya mereka kelak. Selain itu, bimbingan yang bermakna juga akan dapat meningkatkan kreativiti dan inovatif dalam kalangan guru pelatih untuk merancang dan menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih efisien dan terkini selari dengan trenda masa kini.

## **Rujukan**

- Abd Manaf, Abdul Razak and Abdul Hamid, Ahmad Shukri (2002). *Tinjauan terhadap permasalahan dan penilaian ke atas komponen latihan praktikum 1 Program Pengurusan Kerja Sosial, Sekolah Pembangunan Sosial*. Project Report. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Abd. Shatar bin Che Abd. Rahman (2007). *Pengetahuan kandungan dan pedagogi guru pendidikan moral tingkatan empat di sebuah sekolah* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Azhar Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, Azmi Shah Suratman, Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Ismail Mustari (2007). *Tahap profesionalisme guru-guru pelatih Pendidikan Islam dalam latihan praktikum*: Universiti Teknologi Malaysia.
- Baharin Abu.(2006). *Tahap Kesediaan Pedagogi Guru Pelatih Fakulti Pendidikan*. UTM dalam *Latihan Mengajar, Fakulti Pendidikan*. UTM, Skudai, Johor.
- Halimah Harun. (2006). Minat, motivasi dan kemahiran mengajar guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia/ Malaysian Journal of Education*, 31, 83-96.
- Henry, M.A (1993). *The Relationship of Difficulties of Student Teachers to Selected Aspects of the Professional Sequence of Education*. Bloomington,IN: Indiana University.
- Henry, M.A & W.W. Beasley (1979) *Supervising Student Teachers the Profesional Way: A Guide for Cooperating Teachers*. Terre Haute, IN:Sycamore Press
- Ho, W. J., & Lee, S. S. (2017). Persepsi Pelatih Pismmp Tentang Kualiti Bimbingan Praktikum. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 10.
- Mohd Syaubari Othman, Ahmad Yunus Kassim (2017). Keberkesanan Permulaan Pengajaran Menerusi Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Di Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 4(2), 23-35.

- Mustaffar Abd Majid, Nor 'Azahi Ahmad Safran (2017). Pelaksanaan Bengkel Merungkai Standard Dalam Kalangan Guru Smk Dato' Shahardin 1. *Prosiding Persidangan Penyelidikan Dan Inovasi Pendidikan*, 239.
- Nor Asimah Zakaria. 2010. Keberkesanan bimbingan guru pembimbing terhadap latihan mengajar guru pelatih UPSI,Universiti Pendidikan Sultan Idris, *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education;Join Conference UPI & UPSI*. Bandung, Indonesia,8-10 November 2010.
- Nunnally, J. C., & Bernstein. 1994. *Psychometric Theory* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Page, M. L. 2002. Race, Culture, and The Supervisory
- Sharpe, D.M.(1970). *A Brief Guide to Secondary School Student Teaching*. Terre Haute,IN: Indiana State University.
- Seperson, M.A & B.R. Joyce(1973). Teaching Styles of Student Teachers as Related to Those of Their Cooperating Teachers. *Educational and Psychological Measurement*, 30:607-610
- Syed Mustapa, S. (2013). Amalan Bimbingan Pengajaran Pensyarah dan Guru Pembimbing Dalam Program Mentoring Praktikum Serta Impaknya Terhadap Kualiti Guru Pelatih (Practice Guidance Lecturer Teaching and Teacher Mentor in Mentoring Program Practicum and The impact on the Quality. *Jurnal Pendidikan Malaysia | Malaysian Journal of Education*, 38(1), 71-78. doi:<http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2013-%x>
- Whitty,g. (1992). Quality Control in Teacher Education. *British Journal of Educational Studies*,10,1,38-50
- Zakaria Kasa, Soaib Asimirin, Abdul Rasid Jamian & Yahya Othman (2001). Persepsi pelatih terhadap latihan mengajar. *Suara Pendidik* (23), 20-30
- Zevin,j.(1971).In the Cooperating Teacher's Image: Convergence of Social Studies Student Teachers' Behaviort Pattern With Cooperating Teachers' Behavior Patterns, *ERIC* No.ED 087781

